NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#02

5 Jan 2024 – 11 Jan 2024



PASUKAN PENYELIDIK
YAYASAN STRATEGIK LESTARI

DR. MUKHTARUDDIN • HANISAH • HAFIZUDDIN • IZZAT IBRAHIM • SHAUQI JOHARA

ISI KANDUNGAN

Akuan Bersumpah (SD) Juga Berperlembagaan.....2
Selesaikan Krisis Nutrisi di Sekolah.....5
Kadar Pengangguran Global 2024 Meningkat 7
Mogok & Sepanduk Menyambut Menteri.....9
Pelarasan Tarif Air: Adil atau Zalim?.....11

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yayasanstrategiklestari.com

Akuan Bersumpah (SD) Juga Berperlembagaan

- Walaupun Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berpendapat **akuan bersumpah** (SD) tidak lagi boleh digunakan sebagai platform utama menumbangkan kerajaan seperti sebelum ini, namun pakar undang-undang berpendapat sebaliknya.
- Timbalan Perdana Menteri itu berpendirian bahawa sebarang keputusan besar dibuat oleh parti dan harus secara **en bloc**, tidak lagi seperti sebelum wujudnya pindaan Perlembagaan yang menghalang tindakan melompat parti.



- Kebanyakkan pakar undang-undang menafsirkan bahawa Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong". Penafsiran ini membawa maksud penggunaan SD yang kecoh minggu lepas adalah sah dan berperlembagaan.
- Ini merujuk kepada keputusan penghakiman pada 9 Februari 2010 dalam kes Dato' Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin lawan Dato' Seri Dr Zambry Abdul

Kadir, iaitu Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa "Tiada dalam Perlembagaan Negeri peruntukan bahawa **kehilangan kepercayaan** ke atas Menteri Besar hanya boleh dibuat melalui undi tidak percaya dalam sidang DUN. Oleh itu, bukti kehilangan kepercayaan ke atas Menteri Besar boleh dikumpul daripada sumber-sumber lain dengan syarat ia dibuat dengan betul."

- Keputusan ini dibuat setelah mahkamah dihadapkan dengan persoalan sama ada penentuan isu kepercayaan ke atas Menteri Besar perlu dibuat melalui undi tidak percaya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) atau melalui kaedah lain selain melalui undi tidak percaya.
- Jika diteliti pada pindaan Perlembagaan berkaitan **antilompat parti**, ia hanya bermaksud menghalang tindakan melompat parti Ahli Parlimen daripada satu parti ke parti yang lain seperti mana sering berlaku sebelum ini. Namun, ia tidak menghalang Ahli Parlimen mengalihkan sokongan kepada seseorang Perdana Menteri.
- Ujian pertama terhadap penyataan ini dibuktikan melalui tindakan lima Ahli Parlimen PN yang mengalihkan sokongan tanpa menjejaskan kedudukan mereka, seperti mana yang ditegaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said.
- Justeru, menukar PM yang mengakibatkan jatuhnya sesebuah kerajaan boleh dilakukan selagi mana ia masih dalam kerangka Perlembagaan dan salah satunya adalah kaedah Akuan Bersumpah.

RUJUKAN

- https://bebasnews.my/2024/01/08/langkah-dubai-sd-masih-sah-wajib-dipertimbangkan/
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sokongan-ahli-parlimen-pembangkang-kepada-pm-tidak-langgar-akta-anti-lompat-parti-azalina-449215?

- https://malaysiagazette.com/2022/11/21/ahli-parlimen-bn-bebas-pilih-perdana-menteri/
- https://harakahdaily.net/index.php/2024/01/10/peralihan-sokongan-tiada-siapa-perlu-takut/

Selesaikan Krisis Nutrisi di Sekolah

- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menyatakan terdapat kira-kira 5.6 juta kanak-kanak di negara ini termasuk murid prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah rendah terdedah dengan **masalah pemakanan**.
- UNICEF pula pernah memberi amaran awal mengenai krisis nutrisi yang bakal menimpa Malaysia pasca COVID-19 (2020).
- Jadi, kerisauan ibu bapa tentang kualiti dan kuantiti hidangan makanan kantin di sekolah ini berasas. Isu ini pernah dijawab oleh Kementerian Pendidikan (KPM) pada akhir tahun lalu, di mana beberapa langkah pemantauan telah dilaksanakan.
- Hakikatnya masih banyak kantin sekolah masih belum memenuhi **piawaian makanan sihat** yang ditetapkan.
- Berikut adalah hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia 2020-2022 berkenaan aktiviti **pemantauan di kantin sekolah** terhadap kepatuhan penjualan makanan dan minuman berdasarkan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat yang dikeluarkan oleh KPM.

Tahun	Sekolah Patuh (%)	Perincian
2020	15.9	779 sekolah daripada jumlah keseluruhan 8,188 sekolah
2021	69.5	291 sekolah daripada jumlah keseluruhan 419 sekolah
2022	55.0	1,893 sekolah daripada jumlah keseluruhan 3,441 sekolah

- Perkara ini jika tidak dibendung, bakal menyumbang kepada semakin banyak masalah pelajar **bantut** dan terkena Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti diabetes, kardiovaskular, dan kanser dalam jangka masa panjang.

- Tahun lepas, negara terpaksa membelanjakan RM9.65 bilion bagi menangani penyakit NCD. Selain itu, NCD juga memberi impak negatif kepada ekonomi, di mana kos tidak langsung pernah direkodkan pada 2017 adalah RM12.88 bilion dalam bentuk **kehilangan produktiviti**.
- Daripada aspek kemampanan perniagaan pula, kerajaan perlu mempertimbangkan langkah holistik agar mereka dapat menyediakan makanan sihat dan berkhasiat.
- Antaranya melalui akses kepada bekalan bahan makanan dengan harga yang berpatutan secara langsung daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atau Jabatan Perikanan Malaysia. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga boleh mempertimbangkan inisiatif bersasar kepada pengusaha kantin sekolah.
- Walaupun kita ada Panduan Pelaksanaan Pemakanan Sihat Di Sekolah, sekiranya tiada usaha untuk menguruskan kenaikan harga dan bekalan bahan makanan khas untuk sekolah, inisiatif penyediaan makanan sihat di sekolah secara keseluruhannya tidak berkesan dan mampan.

RUJUKAN

- Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022 - 2020
- https://majoriti.com.my/netzkorner/2024/01/05/ibu-bapa-luah-rasa-risau-walaupun-makanan-kantin-murah-tapi-tidak-berkualiti
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/menangani-krisis-nutrisi-kanakkanak-malaysia-372590

Kadar Pengangguran Global 2024 Meningkat

- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran, dunia akan berdepan dengan masalah **pengangguran** berikutan keadaan produktiviti tidak stabil, ketidaksamaan dan inflasi yang tinggi.
- Agensi buruh PBB memaklumkan, **pemulihan ekonomi** daripada pandemik COVID-19 amat perlahan ditambah pula ketegangan geopolitik dan inflasi yang berterusan sehingga mencetuskan langkah agresif oleh bank pusat.
- Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), meskipun pertumbuhan global pada 2023 adalah lebih tinggi daripada jangkaan, namun perolehan gaji semakin merosot di kebanyakan negara G20 kerana kenaikan gaji tidak selari dengan inflasi.
- Pada tahun 2022, kadar pengangguran global berapa pada tahap 5.3 peratus dan mencatatkan peningkatan sederhana pada tahun selepas itu kepada 5.1 peratus. Walau bagaimanapun pada 2024, tambahan dua juta dijangka mencari pekerjaan dan sekali gus meningkatkan kadar pengangguran global kepada 5.2 peratus.
- Keadaan **berbeza** pula diramalkan berlaku di Malaysia. Menurut Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), pasaran buruh negara dijangka akan terus kukuh pada 2024 dengan kadar purata pengangguran dijangka kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.3 peratus, berbanding tahun lalu, 3.5 peratus.
- Tambah MIDF, penambahbaikan berterusan dalam pasaran buruh akan menyokong perbelanjaan pengguna kerana nisbah penerima gaji kepada pekerjaan telah mencapai kemuncak baharu pada 64.6 peratus pada 2022, antara lain oleh kesan dasar gaji minimum.
- Keberkesanan dasar dan polisi yang diambil kerajaan terutamanya semasa pandemik tempoh COVID-19 melanda negara merupakan langkah cemerlang

yang telah memastikan situasi pasaran buruh negara terus stabil berbanding negara-negara lain.

- Program-program yang dilaksanakan seperti Program Subsidi Upah (PSU), Program Insentif Pengambilan, Bantuan Mobiliti dan program latihan semula merupakan antara inisiatif awal penting yang berjaya membawa negara segera keluar daripada impak pasca COVID-19.
- Ini memberi peluang kepada kerajaan hari ini meneruskan usaha-usaha penambahbaikan program-program buruh negara sekali gus menambah kadar pertumbuhan tenaga buruh dan guna tenaga sepanjang tahun 2023 lalu.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/643733/global/pbb-beri-amaran-kadar-pengangguran-meningkat-2024
- https://www.utusan.com.my/ringgit/2023/11/trend-pasaran-buruh-malaysia-bertambah-baik/#:~:text=PETALING%20JAYA%3A%20MIDF%20Research%20mengekalkan,yang%20menggalakkan%20dalam%20ekonomi%20domestik
- https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/5/2021/01/781234/pelbagai-inisiatif-pacu-pemulihan-pasaran-buruh

Mogok & Sepanduk Menyambut Menteri

- **Lawatan kerja** pertama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir bertukar suram apabila disambut dengan sepanduk warga **Universiti Malaysia Sabah** (UMS).
- Rata-rata pelajar menzahirkan kesusahan mereka dengan menunjukkan kadbod "Air Ma(na)dani", untuk memberitahu masalah mereka di kampus berikutan masalah air. Malahan, mereka juga menyanyikan lagu "maaf kami belum mandi" kerana terpaksa menyambut menteri berkenaan dalam keadaan tiada air.



- Tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah bersetuju memberikan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada UMS bagi menyelesaikan masalah air di kampus itu.
- Sebagai respon, Zambry berkata Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan peruntukan tambahan RM2 juta kepada UMS bagi mengatasi masalah bekalan air dihadapi warga kampusnya.


- Perdana Menteri juga telah mengarahkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Johan Mahmood @ Johan Mahmood Merican bagi menyediakan laporan terperinci ke manakah peruntukan itu telah digunakan.
- Kawasan **Parlimen Sepanggar**, termasuk UMS paling terjejas akibat kekurangan bekalan air yang sedang dihadapi berikutan kedudukannya di hujung sistem paip air yang bermula dari Loji Rawatan Air (LRA) Telibong, di Tuaran.
- LRA Telibong 2 yang kini dalam proses pembinaan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) perlu disegerakan bagi mengatasi masalah bekalan air rakyat Sepanggar seluruhnya.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197583/kami-belum-mandi-pelajar-ums-beritahu-menteri-pendidikan-tinggi
- https://www.sinarharian.com.my/article/643374/berita/nasional/anwar-minta-laporan-projek-penyelesaian-masalah-air-di-ums

Pelarasan Tarif Air: Adil atau Zalim?

- Pelarasan tarif air dijangka bermula **tahun ini** setelah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melaksanakan kajian Mekanisme Penetapan Tarif bagi memastikan pelarasan yang adil kepada syarikat pengendali dan pengguna.



- Pelarasan yang melibatkan tarif domestik dan bukan domestik **bukan perkara baharu** kerana telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri pada 2019 untuk pelaksanaan secara serentak di seluruh negara, tertangguh akibat wabak COVID-19.
- Menurut SPAN, mereka mengambil kira perbelanjaan operasi dan perbelanjaan modal, kemudian mereka menentukan berapa kadar yang harus dilaksanakan dan bukannya operator. Pelarasan tarif air ini dianggar menyebabkan kenaikan kepada pengguna secara purata hanyalah **RM3 tambahan** kepada bil semasa.
- Tarif air yang dianggap **terlalu murah** di Malaysia ketika ini menyebabkan syarikat pengendali tidak berupaya mempertingkat infrastruktur asas termasuk penggantian paip dan fasiliti. Harga yang murah juga menyebabkan masyarakat menggunakan air secara membazir.

- Ada negeri yang tarifnya tidak disemak melebihi **25 tahun** iaitu Pahang dan Perlis dengan semakan terakhir masing-masing pada 1983 dan 1996. Begitu juga terdapat negeri yang 60 peratus daripada air dirawat tidak sampai kepada pengguna (non-revenue water, NRW).
- SPAN berharap pihak peniaga dan syarikat tidak mengambil peluang **menaikkan harga** barang dan perkhidmatan susulan pelarasan tarif air.
- Pengerusi SPAN, **Charles Anthony Santiago** berkata SPAN akan mengadakan sidang media dalam satu atau dua minggu lagi bagi menjawab isu pelarasan tarif air. SPAN ialah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan mengawal selia perkhidmatan bekalan dan perkhidmatan pembetungan di Semenanjung, Putrajaya dan Labuan.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259616
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198097/span-akan-jawab-isu-pelarasan-tarif-air
- https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/semua-negeri-setuju-naik-tarif-air/



NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Ringkasan Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my

©Hak Cipta Terpelihara